

فسوروحجاي باغونن كوالا لومفور

PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2617 1000

Faks : 03-26171040

Emel : cob@dbkl.gov.my

Ruj. Kami : (31)DBKL/JPPH/COBADMIN/2

Tarikh : 29 Januari 2021

16 Jamadilakhir 1442H

PEKELILING COBKL 2021/01

Pengerusi

Badan Pengurusan Bersama (JMB)/

Perbadanan Pengurusan (MC)/

Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC)

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan,

ARAHAN PEMAKLUMAN PEMAKAIAN PELAKSANAAN KELULUSAN KHAS BAGI URUSAN PERPINDAHAN DI SKIM STRATA SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP).

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBkl) telah menerima arahan pemakluman pemakaian pelaksanaan kelulusan khas bagi urusan perpindahan di skim strata semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertarikh 27 Januari 2021. Oleh hal demikian, kebenaran khas bagi tujuan perpindahan adalah terpakai di skim strata sepanjang tempoh PKP namun tertakluk kepada pematuhan senarai semak dokumen dan kriteria-kriteria yang ditetapkan sebagaimana **surat pemakluman daripada pihak KPKT yang dilampirkan bersama disini**. Mohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk merujuk kepada dokumen yang dilampirkan bagi tujuan pelaksanaan. Arahan pemakluman pemakaian pelaksanaan kelulusan khas bagi urusan ini adalah berkuat kuasa serta merta.

3. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

...2/-

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"

Saya yang menjalankan amanah,



(Sr MOHD HELMI BIN MOHD SANY)

Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan merangkap

Timbalan Pengarah Kanan

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

b.p Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

s.k **1. Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur**

2. Timbalan-Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

- Untuk makluman YBhg Datuk dan Tuan/Puan.



Ruj. Fail : KPKT/800-7/2/1 Jld. 5 (99)
Tarikh : 27 Januari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

KELULUSAN KHAS BAGI URUSAN PERPINDAHAN DI SKIM STRATA SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bersetuju untuk mempertimbangkan kelulusan khas bagi perpindahan di skim strata semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang memenuhi semua kriteria berikut:

- i. Mengemukakan dokumen perjanjian sewaan yang ditamatkan/ baru dimeterai atau urusan jual beli bagi rumah baru, atau pengesahan keluar rumah oleh pemilik;
- ii. Telah mendapat kebenaran PDRM untuk urusan merentas daerah/negeri;
- iii. Perpindahan mendapat sokongan daripada Badan Pengurusan skim strata yang terlibat seperti di **Lampiran 1**;
- iv. Mengadakan pengesahan sendiri; diri/keluarga yang mengisytiharkan tidak bergejala COVID-19 seperti di **Lampiran 2**;
- v. Pekerja syarikat *mover* yang terlibat dalam urusan perpindahan disahkan sihat, negatif gejala COVID-19 dan tiada kontak rapat; dan
- vi. Pengisytiharan cadangan tarikh dan masa perpindahan yang spesifik.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) dipohon untuk memaklumkan kebenaran khas perpindahan kepada badan pengurusan JMB/MC di kawasan masing-masing serta memantau pematuhan kriteria-kriteria perpindahan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
4. Perhatian dan kerjasama Tuan /Puan berkaitan perkara ini didahulukan dengan ribuan terima kasih.

Sekian, dan salam hormat.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(**MOHD SYAIFULRIZAL BIN ABU BAKAR**)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

s.k:

- i. KSU
- ii. TKSU (KB)
- iii. SUSK YBM
- iv. PUU
- v. P/TPPS

SENARAI SEMAK 1**SENARAI SEMAK URUSAN PERPINDAHAN DI SKIM STRATA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

BIL	PERKARA	ADA/TIADA (√ / X)
1	Penamatan perjanjian sewaan atau pengesahan keluar rumah oleh pemilik, atau salinan muka hadapan perjanjian jual beli (S&P) bagi rumah baru	
2	Kelulusan Polis DiRaja Malaysia untuk urusan rentas daerah/negeri (jika perlu)	
3	Cadangan tarikh dan masa perpindahan yang spesifik	
4	Maklumat syarikat perpindahan (mover company) dan pekerja atau individu terlibat	
5	Kelulusan Badan Pengurusan	
6	Pengisytiharan diri pekerja / syarikat / individu terlibat.	

LAMPIRAN 1

**BORANG SOKONGAN BADAN PENGURUSAN BAGI URUSAN PERPINDAHAN DI
SKIM STRATA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

NAMA BADAN PENGURUSAN : _____
NO. TELEFON : _____
ALAMAT : _____

Badan Pengurusan _____ menyokong / tidak
menyokong (silih pilih yang berkaitan) pemohon _____ untuk
berpindah masuk / keluar (pilih mana yg berkenaan) pada ketetapan berikut:

Tarikh : _____

Masa : _____

Tempat Pemunggaan : _____

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Cop / Meterai : _____

Badan Pengurusan

*Nota : sekiranya melibatkan lebih daripada satu skim strata setiap badan pengurusan perlu memberikan sokongan untuk perpindahan dan pemunggaan barang

LAMPIRAN 2

**BORANG PENGISYTIHARAN DIRI BAGI URUSAN PERPINDAHAN DI SKIM STRATA
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

NAMA : _____
 NO. TELEFON : _____
 ALAMAT : _____

Sila lengkapkan semua bahagian.

BIL	PERKARA	YA (✓)	TIDAK (X)
1	Pernahkah anda atau keluarga mempunyai kontak rapat dengan pesakit COVID-19 yang disahkan dalam tempoh 14 hari yang lalu?		
2	Pernahkah anda atau keluarga mempunyai kontak rapat dengan individu dibawah perintah kuarantin dirumah (Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman) ATAU individu yang disyaki COVID-19?		
3	Dalam jangka masa 48 jam terakhir, adakah anda terdedah dengan kontak positif atau kontak rapat?.		
4	Pernahkah anda atau keluarga mengunjungi atau menghadiri aktiviti di mana-mana tempat yang melibatkan kes yang disyaki atau positif COVID-19 dalam tempoh 14 hari yang lalu?		
5	Adakah anda mempunyai gejala-gejala seperti berikut: a. Demam > 37.5°C b. Batuk c. Sakit tekak d. Selsema e. Sesak nafas	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

Dengan ini, saya menyatakan bahawa semua maklumat yang diberikan seperti di atas adalah benar. Sekiranya kenyataan yang diberikan adalah palsu, pihak JMB/MC boleh mengambil tindakan lanjut mengikut peraturan undang-undang terpakai.

Tandatangan

Nama:
 Tarikh: